



ALBUM KENANGAN ... Sesi fotografi bersama Mukriz Mahathir.



FORUM ... Farid dalam sesi forum berhubung mobiliti belia ASEAN dan cadangan-cadangan mengenai aspek kesukarelaan.

MPP UMS sertai Asean University Youth Summit

NST 31. 1. 2015 6

KOTA KINABALU: Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) hadir mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke ASEAN University Youth Summit bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah yang berakhir kelmarin.

Delegasi MPP yang diketuai Presidennya, Mohd. Al-Farid Abraham menyertai program tersebut yang diadakan bersempena pemilihan Malaysia sebagai negara hos untuk ASEAN.

Bercakap ketika dihubungi media, Farid berkata program tersebut telah memfokuskan perbincangan mengenai usaha negara ASEAN untuk menerajui mobiliti pelajar dalam aspek kesukarelaan.

“Pengalaman menyertai program berbentuk forum ini amat bermanfaat apatah lagi kami dapat bertukar pendapat berhubung isu-isu dan cadangan ke arah penambahbaikan dalam aktiviti yang melibatkan kesukarelaan.

“Kita juga berbangga kerana UMS terpilih untuk mewakili Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) selain Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Sukarelawan Siswa Malaysia pada program yang mendapat penyertaan 50 universiti dari negara-negara ASEAN seperti Kemboja, Indonesia, Filipina, Thailand dan Brunei,” ujarnya sambil memberitahu program berkenaan turut dihadiri wakil dari Korea Selatan sebagai negara jempunan.

Farid berkata, segala input yang diperoleh mampu memberi impak kepada pembangunan dalam aspek kesukarelawan khususnya dalam kalangan pelajar UMS dan siswa-siswi Malaysia.

Turut mewakili Universiti Malaysia Sabah ialah Asmah Kadir dan Monisa Amri yang merupakan Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa MPP UMS.

Majlis perasmianya telah disempurnakan Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Mahathir.